

**UniMAP Perlu Tingkat Jaringan Antarabangsa - Raja Muda Perlis
Bernama
13 Disember, 2012**

KANGAR, 13 Dis (Bernama) -- Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail mahu Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) meningkatkan jaringan antarabangsanya bagi mengengahkan universiti itu di peringkat dunia.

Baginda yang juga Canselor UniMAP bertitah, UniMAP pasti akan menyerlah jika ia dilihat sebagai luar biasa dan berkeupayaan tinggi di peringkat antarabangsa.

"Pengurusan UniMAP perlu sentiasa melihat peluang meningkatkan jaringan antarabangsa untuk menyerlahkan keunggulan akademik," titah baginda pada Kursus empat hari Pemantapan Jati Diri Nasional anjuran universiti itu di Johor Baharu yang berakhir malam tadi.

Titah baginda, golongan akademik juga perlu menghasilkan penyelidikan berimpak tinggi dan menjadi rujukan utama kepada masyarakat dan negara.

Para penyelidik UniMAP perlu menentukan hala tuju universiti yang baik dalam memastikan universiti ini mampu menghasilkan 'nobel laureate' negara.

Baginda turut berharap alumni UniMAP membantu memperkukuh universiti itu dengan menyumbang semula kepakaran mereka kepada pembangunan universiti dan negara.

"Alumni UniMAP bukan sekadar menjadi alumni sahaja tetapi mampu menjadi benih berguna untuk mewujudkan satu pembaharuan yang akhirnya menjadi manfaat semula kepada seluruh manusia sejagat," titah baginda.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=915034>